

26 OCT 1999

PEKAN RABU MINI SEMPERNA LIMA 1999

LANGKAWI, 26 Okt (Bernama) -- Pelancong dan orang ramai berpeluang menikmati pelbagai jenis makanan dan kuih tradisional apabila sebuah Pekan Rabu mini, seperti yang terdapat di Alor Setar, diadakan di sini pada Karnival Langkawi sempena Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA 1999).

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Kebudayaan negeri Datuk Haji Zainol Mohamed Isa berkata Pekan Rabu mini diadakan di tapak letak kereta Kompleks Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) di sini mulai 21 Nov hingga 6 Dis ini.

Pekan Rabu mempunyai keunikan tersendiri yang sentiasa menjadi tarikan pelancong termasuk Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad yang berkunjung ke tempat itu untuk membeli kuih tradisional, katanya ketika ditemui selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa karnival itu di sini, hari ini.

Beliau berkata penganjur mewujudkan Pekan Rabu mini di sini bagi memeriahkan lagi suasana sepanjang LIMA 1999, yang akan diadakan mulai 30 Nov hingga 5 Dis ini.

Tapak perniagaan Pekan Rabu mini itu akan dikendalikan oleh 10 peniaga dari Koperasi Pekan Rabu, katanya.

Selain itu, sembilan agensi kerajaan termasuk syarikat swasta mengesahkan penyertaan mereka dalam Pameran Produk Buatan Malaysia di sini sempena LIMA 1999.

Sebanyak 53 syarikat seluruh negara dijemput menyertai pameran itu dan tarikh akhir mengesahkan penyertaan itu ialah pada 10 Nov ini.

-- BERNAMA

ZI NH NAK